



## **TEKS UCAPAN**

**YBHG. TAN SRI DR. ALI BIN HAMSA  
KETUA SETIAUSAHA NEGARA**

**SESI BERSAMA MEDIA**

**SUSULAN**

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2015 SIRI 1**

**AUDITORIUM KOMPLEKS E**

**SELASA, 24 MEI 2016  
(8.30 PAGI HINGGA 10.30 PAGI)**

***Bismillaahirrahmaanirrahim.***

***Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,***

**Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.**

**Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar Abdullah,  
Ketua Setiausaha Perbendaharaan;**

**YBhg. Dato' Jalil bin Marzuki,  
Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Pembangunan);**

**YBhg. Datuk Anwari Bin Suri,  
Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan);**

**Ketua-ketua Setiausaha Kementerian, Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri,  
Ketua-Ketua Jabatan dan Agensi Kerajaan;**

**YBhg. Tan Sri - Tan Sri, Dato' Sri - Dato' Sri, Dato' - Dato', dan rakan-rakan  
media yang dihormati sekalian.**

## **PENDAHULUAN**

1. Terlebih dahulu marilah kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah kerana dengan izin-Nya jua, dapat kita hadir di majlis **Sesi Bersama Media Susulan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2015 Siri 1** pada hari ini.

2. Untuk makluman semua, pada tahun ini, pembentangan Laporan Ketua Audit Negara di Parlimen diadakan sebanyak 2 kali. Siri 1 telah dibentangkan di Parlimen pada 18 Mei 2016. Saya mengharapkan laporan media yang tepat dan menyeluruh dibuat yang bukan sahaja bertumpu kepada teguran Audit dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2015 Siri 1 malah turut meneliti Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara.

## **LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2015 SIRI 1**

3. Seperti semua sedia maklum, terdapat 2 bentuk teguran dalam Laporan Ketua Audit Negara iaitu teguran *corrective* yang melibatkan penambahbaikan sistem dan prosedur dan teguran *punitive* yang melibatkan penyelewengan, penyalahgunaan kuasa, salah laku atau kecuaiannya pelaksanaan tugas.

4. Dalam Laporan Siri 1, terdapat **751 teguran** iaitu **94.3%** atau **708 teguran *corrective*** dan **5.7%** atau **43 teguran *punitive***. **43 teguran *punitive*** tersebut melibatkan **4 Kementerian, 2 Badan Berkanun Persekutuan, 7 Kerajaan Negeri dan 2 Syarikat Persekutuan.**

5. Di peringkat kementerian, terdapat **10 teguran *punitive*** melibatkan:

a) **Kementerian Kerja Raya**

- **1 teguran** bagi **Projek Membina Jalan Baru Dari Lebuhraya Seremban-PD-FR5 Di Pasir Panjang Dan Menaik Taraf FR5 Dari Pasir Panjang ke Linggi, Negeri Sembilan (Seksyen 1); dan**
- **2 teguran** bagi **Projek Pembinaan Hospital Tampin Baharu, Negeri Sembilan.**

b) **Kementerian Dalam Negeri**

- **1 teguran** bagi **Pengurusan Projek Pembinaan Penjara Reman (Tegar) Johor Bahru; dan**
- **3 teguran** bagi **Pelaksanaan Sistem Imigresen Malaysia (myIMMs).**

c) **Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan**

- **2 teguran** bagi **Pengurusan Tapak Pelupusan Sisa Pepejal.**

- d) **Jabatan Perdana Menteri**  
**1 teguran** bagi **Pengurusan Perolehan Bekalan Dan Perkhidmatan di Jabatan Pertahanan Awam Malaysia.**

6. Bagi **Badan Berkanun Persekutuan,** terdapat **6 teguran punitive** yang melibatkan:

- a) **Universiti Teknologi MARA**

**4 teguran** bagi **Pengurusan Syarikat UiTM Hospitality Management Services Sendirian Berhad.**

- b) **Universiti Malaysia Sabah**

**2 teguran** bagi **Pengurusan Perolehan.**

7. Manakala bagi **Kerajaan Negeri,** **23 teguran punitive** melibatkan:

- a) **2 teguran** bagi **Pengurusan Perolehan di Majlis Daerah Semporna dan Majlis Daerah Kota Belud, Negeri Sabah;**
- b) **8 teguran** iaitu **2 teguran** bagi **Pengurusan Perumahan Kuota Bumiputera di Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor,** **5 teguran** bagi **Pengurusan Perolehan di Majlis Perbandaran Klang** dan **1 teguran** bagi **Majlis Bandaraya Shah Alam, Negeri Selangor;**
- c) **4 teguran** iaitu **1 teguran** bagi **Pengurusan Penyenggaraan Jalan Negeri di Pejabat Daerah Mersing** dan **3 teguran** bagi **Pengurusan Perolehan di Majlis Perbandaran Kulai, Negeri Johor;**
- d) **1 teguran** bagi **Pengurusan Syarikat Rumpun Teras Sdn. Bhd., Negeri Perlis;**
- e) **3 teguran** iaitu **2 teguran** bagi **Pengurusan Penyenggaraan Jalan Negeri** dan **1 teguran** bagi **Pengurusan Syarikat Air Kelantan Sdn. Bhd., Negeri Kelantan;**

- f) **2 teguran** bagi **Pengurusan Perolehan di Majlis Daerah Kuala Pilah dan Majlis Daerah Jelebu, Negeri Sembilan; dan**
  - g) **3 teguran** bagi **Pengurusan Penyenggaraan Jalan Negeri, Negeri Pahang.**
8. Seterusnya bagi **Syarikat Persekutuan, 4 teguran punitive** melibatkan:
- a) **2 teguran** bagi **Malaysia Convention & Exhibition Bureau (MyCEB), Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan; dan**
  - b) **2 teguran** bagi **Pengurusan Sepang International Circuit (SIC) Sdn. Bhd., Kementerian Kewangan.**

#### **Tindakan Susulan Ke Atas Teguran *Punitive* LKAN 2015 Siri 1**

9. Bagi Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2015 Siri 1 ini, langkah proaktif telah diambil dengan menubuhkan **6 Jawatankuasa Siasatan Khas** bagi menyiasat **10 teguran punitive** yang melibatkan **4 kementerian** berkenaan. Siasatan ini bertujuan untuk memperoleh keterangan yang relevan dari aspek kesaksian dan keterlibatan pegawai dalam kes-kes yang dilaporkan. Sekiranya wujud asas kukuh, bahawa pegawai didapati melakukan salah laku atau kecuaiian, maka tindakan tatatertib, surcaj, atau pertuduhan jenayah di mahkamah akan dikenakan terhadap pegawai.

10. Berdasarkan siasatan tersebut:
- a) **2 teguran** melibatkan **Pengurusan Perolehan dan Perkhidmatan di Jabatan Pertahanan Awam, Jabatan Perdana Menteri dan Pelaksanaan Sistem Imigresen Malaysia (myIMMs), Kementerian Dalam Negeri mempunyai asas untuk dimulakan prosiding tatatertib yang melibatkan 6 pegawai<sup>1</sup>; dan**

- b) **8 teguran** didapati **tiada unsur penyelewengan, penyalahgunaan kuasa, salah laku atau kecuaiannya pelaksanaan tugas** tetapi sebaliknya memerlukan penambahbaikan sistem, prosedur dan peraturan semasa.

11. Bagi **33 teguran** yang melibatkan Badan Berkanun Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Syarikat Persekutuan, perkara ini akan dibawa oleh Jabatan Audit Negara ke peringkat Jawatankuasa Tindakan Laporan Ketua Audit Negara untuk menentukan bentuk tindakan yang akan diambil.

### **Status Tindakan Susulan Ke Atas Teguran Corrective LKAN 2015 Siri 1**

12. Bagi **708 teguran corrective, 39.5%** atau **280 teguran** telah selesai diambil tindakan penambahbaikan oleh kementerian/agensi yang berkenaan manakala **60.5%** atau **428 teguran** masih dalam tindakan kerana teguran-teguran tersebut memerlukan masa untuk dibuat tindakan pembetulan/penambahbaikan oleh kementerian/agensi yang terlibat. Status tindakan ini dipantau melalui *Dashboard* Jabatan Audit Negara.

### **Status Tindakan Susulan Ke Atas Teguran Punitive LKAN 2014**

13. Seperti mana yang saya tegaskan sebelum ini, Kerajaan tidak akan bertolak ansur terhadap sebarang bentuk penyelewengan dan salah laku dan akan memastikan tindakan tegas diambil. Bagi **49 teguran punitive** dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2014 seramai **99 pegawai** telah dimulakan prosiding tatatertib/siasatan SPRM. Daripada jumlah tersebut :

- a) **15 pegawai (15.2%)** telah diputuskan hukuman oleh lembaga tatatertib berkenaan yang meliputi hukuman Amaran hingga Turun Pangkat;
- b) **20 pegawai (20.2%)** sedang dalam proses penentuan kes/hukuman; dan
- c) **64 pegawai (64.6%)** didapati tidak bersalah dan dibebaskan oleh lembaga tatatertib berkenaan<sup>2</sup>.

## **Status Tindakan Susulan Ke Atas Teguran *Corrective* LKAN 2014**

14. Di samping itu, bagi **1,613 teguran *corrective*, 76.3%** atau **1,231 teguran** telah selesai diambil tindakan penambahbaikan dan **23.7%** atau **382 teguran** masih dalam tindakan.

## **Tindakan Ke Atas Pegawai Dalam Kes LKAN 2012-2014**

15. Ingin saya maklumkan, berasaskan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2012 hingga 2014, **3 kes** masih dalam siasatan SPRM manakala seramai **147 pegawai** telah diambil tindakan tatatertib/surcaj oleh Lembaga Tatatertib berkenaan yang meliputi hukuman amaran sehingga buang kerja. Hukuman tatatertib ini akan menjejaskan kemajuan kerjaya pegawai di samping memberi kesan terhadap gaji dan faedah persaraan pegawai.

## **KOMITMEN KERAJAAN MEWUJUDKAN PERKHIDMATAN AWAM YANG BERPRESTASI TINGGI DAN BERINTEGRITI**

16. Ingin saya tegaskan bahawa Kerajaan akan terus berusaha bagi mewujudkan perkhidmatan awam yang berprestasi tinggi dan berintegriti. Ke arah usaha ini, Kerajaan telah mengambil tindakan-tindakan berikut:

### **Pertukaran Pegawai Di Jawatan Sensitif**

- a) melaksanakan pusingan kerja terhadap pegawai-pegawai yang menjawat jawatan sensitif<sup>3</sup>. Bagi **fasa pertama**, pada **18 April 2016**, **80 pegawai** di bahagian kewangan, pembangunan dan perolehan kerja iaitu **55 bertukar kementerian** dan **25 bertukar bahagian dalam kementerian** yang sama. Pusingan kerja ini bukanlah urusan *one-off* sebaliknya akan dibuat secara berterusan yang juga akan melibatkan pegawai-pegawai yang menguruskan dana/geran, permit/lesen dan penguatkuasaan undang-undang.

## **Program Pemantapan Kompetensi dan Nilai Integriti**

- b) memperluaskan program latihan bagi memantapkan kompetensi pegawai yang terlibat dengan tugas-tugas kewangan / pembangunan dan perolehan. Mulai **2014 sehingga Jun 2016**, Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) telah melatih **173 pegawai** bagi **Kursus Pensijilan Pengurusan Projek Awam Bersepadu (3PAB)** dan **228 pegawai** bagi **Kursus Sijil Pentauliahan Perolehan Kerajaan**. Di samping itu, JPA bersama-sama SPRM melalui Unit Integriti Kementerian dan Institut Integriti Malaysia (IIM) telah dan akan terus mempertingkatkan nilai-nilai integriti penjawat awam. Pada tahun **2010 dan sehingga Mei 2016**, seramai **439 pegawai** telah menjalani program **Persijilan Pegawai Integriti Bertauliah Atau *Certified Integrity Officer* (CeIO)**.

## **Exit Policy**

- c) menguatkuasakan pelaksanaan **Dasar Pemisah atau Exit Policy**. Berdasarkan laporan prestasi pegawai pada tahun 2015, seramai **2,680 pegawai awam** (iaitu **0.17%** daripada **1.6 juta** penjawat awam) merangkumi Perkhidmatan Awam Persekutuan, Perkhidmatan Awam Negeri, Badan Berkanun Persekutuan, Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan telah dikenalpasti berprestasi kurang daripada 60%. Pada masa ini, pegawai-pegawai tersebut sedang menjalani proses pengenalpastian dan tempoh pemerhatian dan sekiranya selepas melalui proses dan tempoh tersebut, pegawai termasuk dalam dasar ini dan masih kekal berprestasi di bawah 60%, pegawai akan ditamatkan perkhidmatan pada tahun 2017.



## Data Mengikut Perkhidmatan

### Data Mengikut Kumpulan Perkhidmatan

<b>Agensi</b>	<b>Bilangan</b>
Perkhidmatan Awam Persekutuan	2,361
Perkhidmatan Awam Negeri	170
Badan Berkanun Persekutuan	56
Badan Berkanun Negeri	15
Pihak Berkuasa Tempatan	78
<b>JUMLAH</b>	<b>2,680</b>

<b>Kumpulan</b>	<b>Bilangan</b>
Pengurusan Tertinggi	-
Pengurusan dan Profesional	647
Pelaksana	2,033
<b>JUMLAH</b>	<b>2,680</b>

## PENUTUP

17. Akhir kata, sekali lagi saya ucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang hadir. Bersama-sama saya pada hari ini adalah semua Ketua Setiausaha, Setiausaha Kerajaan Negeri dan Ketua Jabatan yang berkenaan untuk memberi penjelasan dan menjawab persoalan, jika ada, daripada pihak media berhubung Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2015 Siri 1.

Sekian,

***WabillahiTaufikWalhidayah***

***Wassalaamualaikum***

***Warahmatullahi***

***Wabarakaatuh.***

**Pejabat Ketua Setiausaha Negara**

**Jabatan Perdana Menteri**

**24 MEI 2016**